

17 MAY 2001

Mahathir-Johor

DR MAHATHIR LAWAT JOHOR DUA HARI

JOHOR BAHRU, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di Muar esok untuk memulakan lawatan dua hari ke Johor.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba dengan helikopter di padang Sekolah Kebangsaan Sri Tangkak di Muar pada 9 pagi, demikian menurut kenyataan Jabatan Penerangan hari ini.

Sejurus tiba, Dr Mahathir akan menghadiri perjumpaan tertutup bersama pemimpin Umno Bahagian Segamat dan Bahagian Bakri sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Tangkak dan kemudian menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat di Dataran Ledang di Tangkak.

Pada petang, beliau akan menemui pemimpin Umno dari Bahagian Gelang Patah dan Pontian di Dewan Orang Ramai Gelang Patah.

Perdana Menteri kemudian akan ke Johor Baharu untuk merasmikan Seminar Pembangunan Ummah.

Pada hari Sabtu pula, Dr Mahathir akan merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-55 di Hotel Eden Garden sebelum menemui Badan Perhubungan Umno Negeri di Bangunan Umno di sini.

Setelah itu, beliau akan menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin masyarakat, pegawai dan kakitangan kerajaan di kediaman rasmi Menteri Besar di sini.

Perdana Menteri dan isteri dijadual berlepas ke Sabah pada sebelah petangnya bagi lawatan rasmi selama dua hari.

-- BERNAMA

RAM IS MAI